

CNS3684

U GB 23-07 00168 BH839

BAH

SIKAP SEDERHANA KAUM, SUMDANG KEPADA KEMAJUAN MALAYSIA

Maha thir - Kaum 2

KAJANG. 23 Julai (Bernama) -- Sikap sederhana dan tidak keterlaluan penduduk berbilang kaum di negara ini telah menjadikan Malaysia aman, stabil dan ekonominya berkembang pesat, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad, hari ini.

Dr Mahathir berkata, ini kerana rakyat negara ini sedar dan insaf serta sanggup membelakangkan sedikit soal kaum untuk bersama-sama memajukan negara.

Keadaan ini berlaku disebabkan sistem pemerintahan pimpinan Barisan Nasional (BN) yang diamalkan di negara ini, katanya ketika berucap pada majlis perjumpaan politik di Institut Kemahiran Belia Negara di Dusun Tua, dekat sini.

Banyak negara yang penduduknya terdiri daripada pelbagai kaum cuba melupakan hakikat kaum dan cuba menubuhkan parti-parti politik yang kononnya tidak mengambil kira kaum untuk mengatasi masalah perkauman tetapi hakikatnya masalah kaum tetap meletus, katanya.

Perdana Menteri berkata, di Malaysia parti-parti politik kaum dibenarkan tetapi setiap parti-parti itu bergabung dalam BN untuk menyelesaikan masalah kaum di negara ini. -- Lagi.

▼23/07/21-05MST

CNS3686

U GB 23-07 00184 BH840

BAH

Mahathir - Kaum 2 (Akhir) Kajang

Perdana Menteri berkata, nilai-nilai baik yang diasaskan Islam dan nilai-nilai murni lain yang diterima semua kaum di negara ini kini menjadikan Malaysia sebuah negara termaju di kalangan negara-negara membangun.

Beliaulah nilai-nilai baik ini terus diamalkan dan dijadikan budaya hidup untuk menjamin kejayaan negara pada masa depan.

Perdana Menteri berkata, DAP mendakwa kononnya ia parti berbilang kaum tetapi sebenarnya ia parti pelampau Cina.

Keadaan ini dapat dilihat apabila Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang hanya mendapatkan tanda tangan orang Cina dalam usahanya agar penggantungannya daripada persidangan parlimen ditarik balik.

Begitu juga dengan PBS yang turut mendakwa ia parti berbilang kaum tetapi sebenarnya parti itu hanya dikuasai satu kaum.

Dr Mahathir juga meminta rakyat supaya tidak berasa iri hati jika ada pihak-pihak tertentu yang kaya di negara ini dan harus ingat bahawa kerajaan mengutip cukai daripada pihak-pihak yang kaya seperti syarikat swasta yang besar dan golongan miskin mendapat nikmat daripada hasil itu.

Perjumpaan petang ini mengakhiri lawatan sehari Dr Mahathir ke kawasan Hulu Langat. -- Bernama.

▼23/07/21-08MST